

04/05/1997

KDN tentukan ejen Naltrozone

PETALING JAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) di peringkat akhir menentukan ejen yang boleh membekalkan pil Naltrozone secara terus untuk merawat 4,000 penagih dadah dalam program printis yang baru diluluskan.

Timbalan menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata proses menentukan ejen yang mampu membekalkan pil itu secara terus perlu dilakukan dengan teliti.

"Kita tidak mahu ejen yang dilantik hanya boleh membekalkan pil Naltrozone itu secara sementara dan kemudian terputus.

"Jika ini berlaku, ia mungkin boleh menggagalkan program ini," katanya selepas merasmikan Rally Pameran Pemadam di Dewan Sivik, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, di sini semalam.

Kaedah rawatan menggunakan pil Naltrozone dipersetujui Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memulihkan penagih dadah, bulan lalu.

Seramai 4,000 penagih dadah dari lapan pusat serenti di seluruh negara dipilih untuk mengikuti program pemulihan dengan menggunakan pil Naltroxone, bulan ini.

(END)